



KIT SEKOLAH


PELAKSANAAN KURIKULUM

**BAGI KEGUNAAN PEMBUKAAN
SEMULA SEKOLAH TAHUN 2020**

PENGENALAN

Berdasarkan takwim persekolahan asal yang disediakan oleh KPM, sehingga 12 Mac 2020 iaitu hari terakhir persekolahan sebelum cuti pertengahan penggal pertama, murid telah menjalani 11 minggu sesi persekolahan dan hampir 30 peratus kandungan mata pelajaran telah diajar kepada murid.

Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), murid tidak dapat mengikuti sesi PdP secara bersemuka sebanyak 71 hari (mulai 23 Mac 2020 - 14 Julai 2020) yang meliputi hampir 49 peratus kandungan kurikulum. Kesannya murid telah ketinggalan dalam pembelajaran kerana aspek kandungan kemahiran dan nilai asas yang diperlukan untuk menyambung pembelajaran pada peringkat seterusnya tidak dapat disampaikan sepenuhnya.



Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) sedia ada telah diajarkan dengan penyusunan semula dari aspek kandungan, pedagogi serta pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Objektif utama penjajaran kurikulum adalah:

- Memastikan kurikulum mata pelajaran tahun 2020 dapat disampaikan kepada murid
- Merapatkan jurang pembelajaran murid akibat PKP
- Menyediakan alternatif terhadap akses pembelajaran selain dari kaedah secara dalam talian
- Mengatasi pelbagai kekangan apabila melaksanakan pembelajaran secara dalam talian - tiada peranti & capaian internet, ekosistem pembelajaran kurang kondusif
- Menghasilkan model penjajaran kurikulum semasa dan selepas krisis
- Menghasilkan model penjajaran kurikulum yang boleh diaplikasikan kepada semua kurikulum

PROSES PENJAJARAN KURIKULUM

PENJAJARAN KURIKULUM adalah penyusunan semula kandungan, pedagogi serta pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran KSSR, KSKP dan KSSM yang terkesan akibat penularan penyakit COVID-19. Pelaksanaan kurikulum yang diajar ini adalah bagi murid Tahun 1 sehingga Tingkatan 4 tahun 2020.

PENJAJARAN KANDUNGAN

KANDUNGAN ASAS	KANDUNGAN TAMBAHAN	KANDUNGAN PELENGKAP
Pengetahuan, kemahiran dan nilai asas yang perlu dikuasai murid untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya.	Pengetahuan, kemahiran dan nilai yang menyokong kandungan asas	Pengetahuan, kemahiran dan nilai yang melengkap atau mengharmonikan kandungan asas
Dilaksanakan dengan bimbingan guru atau menggunakan bilik/peralatan khusus	<ul style="list-style-type: none">Dilaksanakan menggunakan kaedah lain dengan bimbingan / guru atau secara sendiriBoleh dipelajari merentas subjekDilaksanakan mengikut kesesuaian tanpa menjejaskan konsep kandungan asas	

Fleksibiliti Bagi Pendidikan Khas: Terbuka dan boleh dimodularkan secara bersepadu

- Kandungan secara terbuka, modular dan disepadukan dengan mengutamakan aktiviti praktikal dan amali
- Menggunakan peralatan khas seperti mesin Braille dan alat bantu pendengaran serta peralatan lain yang membantu murid mengikuti PdP
- Melibatkan aspek akademik dan kemahiran berfungsi
- Mengambil kira keperluan individu murid dalam perancangan PdP

PEDAGOGI

Dirancang untuk mengambil kira kesesuaian kandungan pembelajaran, pentaksiran serta kemudahan infrastruktur dan sumber yang ada.

PENTAKSIRAN

Dilaksanakan menggunakan standard prestasi melalui pelbagai mod pentaksiran bersesuaian dengan PdP yang dijalankan


PEMBELAJARAN TERADUN

PEMBELAJARAN TERADUN (BLENDED-LEARNING) adalah kaedah pembelajaran yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan/atau tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai bagi menghasilkan PdP yang berkesan.



PdP dalam bilik darjah	PdP luar bilik darjah / Pembelajaran Di Rumah	
<p>SECARA BERSEMUKA</p> <p>Aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah secara bersemuka dengan guru</p>	<p>DALAM TALIAN</p> <p>Aktiviti pembelajaran secara dalam talian seperti telesidang, video pengajaran dan lain-lain</p>	<p>PEMBELAJARAN KENDIRI BERSTRUKTUR</p> <p>Aktiviti pembelajaran secara sendiri seperti pembelajaran berasaskan projek, inkuiri, kajian dan sebagainya</p>

Pembelajaran teradun boleh digunakan untuk membantu guru menjalankan PdP. Guru boleh merancang aktiviti pembelajaran dan menyediakan bahan pembelajaran yang bervariasi dengan mengambil kira kecenderungan dan minat murid serta kepelbagaian sumber dalam melaksanakan pembelajaran teradun. Antara contoh model yang boleh digunakan dalam pembelajaran teradun adalah seperti rajah di bawah.



Untuk rujukan lanjut, layari:

<https://designinginstructionwithk.com/2019/06/23/blended-learning-why-it-is-the-best-learningapproach/amp/>

PERANAN SEKOLAH DALAM MELAKSANAKAN KURIKULUM YANG DIJAJAR



PERANAN GURU DALAM MELAKSANAKAN KURIKULUM YANG DIJAJAR

Memuat turun dokumen penjajaran kurikulum, peruntukan masa minimum dan kit pelaksanaan kurikulum dari portal rasmi BPK di <http://bpk.moe.gov.my/>



01



Menganalisis kandungan pembelajaran yang telah terkesan akibat PKP

Merangka PdP bersemuka dan/atau tidak bersemuka dengan mengambil kira:

- Model operasi sekolah
- Kurikulum yang diajarkan
- Keperluan murid
- Keupayaan individu murid berkeperluan khas
- Jadual kelas sumber yang ada
- Kaedah Pentaksiran



02

Bagi pendidikan khas, dibaca bersama dengan Garis Panduan Pengurusan Murid Berkeperluan Khas

03

04



Melaksanakan PdP dan Pentaksiran

PdP dalam bilik darjah

PdP luar bilik darjah/ Pembelajaran Di Rumah

SECARA BERSEMUKA

Aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah secara bersemuka dengan guru

DALAM TALIAN

Aktiviti pembelajaran secara dalam talian seperti telesidang, video pengajaran dan lain-lain

PEMBELAJARAN KENDIRI BERSTRUKTUR

Aktiviti pembelajaran secara sendiri seperti pembelajaran berasaskan projek, inkuiri, kajian dan sebagainya


- Melaksanakan refleksi sesi PdP yang dilaksanakan
- Berkomunikasi dengan ibu bapa mengenai keperluan murid untuk pembelajaran di rumah

05

PERSEDIAAN PDP BAGI PEMBELAJARAN TERADUN

DOKUMEN YANG PERLU ADA:

- Dokumen kurikulum mata pelajaran yang telah diajarkan dan dibaca bersama-sama DSKP mata pelajaran yang dimuat turun dari portal rasmi BPK <http://bpk.moe.gov.my/>
- Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) untuk baki tempoh persekolahan 2020
- Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
- Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi murid berkeperluan khas



BAHAN BANTU MENGAJAR:

- Bahan bantu mengajar
- Peranti dan capaian internet, jika menggunakan mod dalam talian
- Platform digital seperti Google Classroom (jika perlu)
- Medium komunikasi untuk berbincang dengan murid/ibu bapa


KIT PEMBELAJARAN MURID:

Contoh Bahan Dalam talian:

- Video pengajaran dalam talian
- Aktiviti interaktif dalam talian

Contoh Bahan Luar Talian:

- Modul pembelajaran
- Projek berbentuk eksplorasi
- Senarai semak (checklist)
- Nota / Latihan / Amali di rumah



Contoh Jadual Pembelajaran di Rumah Tahun 5 Anggerik minggu ini

Hari	Masa	Mata pelajaran / Tugas	Medium
Isnin	8.30 – 10.30 pagi	PJK: Permainan Tradisional	Google Classroom
	Waktu sendiri	Matematik: Konsep Masa	Modul Kendiri
Selasa	SEKOLAH		
Rabu	3.00-5.00 petang	Sains: Kitaran Semulajadi	Google Meet
	Waktu sendiri	Bi: Natural Disasters (Find info for a poster)	Worksheet
	Waktu sendiri	PSV: Stensilan	Modul : Hantar gambar stensil melalui WhatsApp
Khamis	8.30-9.30 pagi	Sejarah: Identiti Negara Kita	TV Pendidikan & Latihan
	10.30 – 12.30 tghari	Pl: Asas Ibadah	Youtube & checklist amalan
		PM: Baik hati	Modul Kendiri
Jumaat	Waktu sendiri	BM: Penjodoh Bilangan	Portfolio

Jenis Pembelajaran: Bersemuka dalam talian

Jenis Pembelajaran: Pembelajaran Kendiri Berstruktur

Waktu sendiri: Murid bebas melengkapkan tugas mengikut jadual sendiri

Nota:

Tugasan di rumah perlu mengambil kira faktor seperti:

- Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang ingin dicapai
- kandungan modul / projek / aktiviti yang dapat memenuhi hasrat pembelajaran*
- topik yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh murid di rumah
- masa yang diperuntukkan untuk pembelajaran murid di rumah
- medium atau platform pembelajaran yang sesuai

*bagi Murid Berkeperluan Khas, kandungan modul / projek / aktiviti perlu mengambil kira matlamat dan objektif dalam Rancangan Pendidikan Individu



BAGAIMANA MERANGKA PEMBELAJARAN TERADUN

Sekolah anda melaksanakan penggiliran murid?




Rujuk portal BPK

Rujuk dokumen kurikulum yang telah diujarkan bagi mata pelajaran anda di portal BPK (<http://bpk.moe.gov.my/>).

Merancang PdP

Merancang PdP secara menyeluruh. Pastikan kandungan asas diutamakan dan kandungan tambahan dan pelengkap mengikut boleh sisipkan atau dilaksanakan melalui aktiviti yang sesuai.



Mengenal pasti PdP bersemuka dan tidak bersemuka

Setelah merangka mengikut PdP, kenal pasti PdP yang akan dijalankan secara bersemuka dan tidak bersemuka mengikut kesesuaian.

Mengenal pasti keperluan murid

Bincang dengan ibu bapa murid dan kenal pasti keperluan murid. Sekiranya murid tidak mempunyai peranti atau capaian internet, sediakan aktiviti pembelajaran sendiri berstruktur seperti modul, projek lembaran kerja dan sebagainya.



Pilih kaedah pentaksiran yang bersesuaian

Pastikan pentaksiran formatif atau sumatif dapat dijalankan dalam pelbagai situasi pembelajaran. Pilih kaedah pentaksiran yang bersesuaian.

PENTADBIR SEKOLAH

#1

Bagaimana sekolah boleh memastikan guru tidak terbeban dalam melaksanakan kurikulum dengan baki persekolahan yang ada?

KPM telah menjajarkan kurikulum untuk semua mata pelajaran bagi setiap peringkat persekolahan untuk disesuaikan dengan tempoh persekolahan yang tinggal. Jawatankuasa Kurikulum Sekolah perlu merancang penjadualan yang bersesuaian dengan keperluan mata pelajaran berdasarkan kurikulum yang telah dijajarkan. KPM menyarankan agar pembelajaran teradun dilaksanakan di dalam dan di luar bilik darjah dalam tempoh ini.

Oleh itu, untuk memastikan guru tidak terbeban, pihak sekolah perlu meneliti pembahagian bilangan waktu mengajar di sekolah dan mengambil kira persediaan serta pelaksanaan pembelajaran di rumah untuk setiap mata pelajaran.

#2

Bagaimana pihak sekolah memastikan aktiviti pembelajaran murid di rumah dilaksanakan?

Pelaksanaan penjajaran kurikulum bergantung kepada perancangan sekolah dalam memastikan PdP di sekolah dan aktiviti pembelajaran di rumah dapat disempurnakan. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah perlu menjalankan pemantauan berstruktur yang berterusan. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh menyediakan pelaporan pentaksiran bagi aktiviti pembelajaran di rumah.

#3

Bagaimana pihak sekolah boleh melibatkan ibu bapa / penjaga dalam melaksanakan kurikulum bagi tujuan pembukaan semula sekolah?

Pihak pentadbir sekolah perlu merangka pelan komunikasi yang berkesan menggunakan saluran komunikasi bersesuaian berdasarkan panduan yang diberikan dalam Sarana Ibu Bapa. Sekolah disaran untuk menggalakkan ibu bapa berbincang dengan pihak sekolah sekiranya mereka menghadapi masalah dalam menyokong pembelajaran murid di rumah.

FREQUENTLY
ASKED
QUESTIONS

FAQ

PENTADBIR SEKOLAH

#4

Adakah sekolah perlu melaksanakan peperiksaan akhir tahun?

KPM menggalakkan pihak sekolah untuk menggunakan sepenuhnya medium Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam menentukan prestasi pembelajaran murid.

Sekiranya pihak sekolah mempunyai masa dan sumber yang mencukupi, peperiksaan akhir tahun boleh dilaksanakan.

#1

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) murid tidak dapat hadir ke sekolah dan guru menghadapi masalah untuk menyempurnakan kandungan kurikulum. Bagaimana cara menyelesaikan masalah ini?

Dalam usaha KPM untuk memastikan semua murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang memenuhi standard kurikulum untuk ke peringkat pembelajaran seterusnya, KPM telah menjajarkan kurikulum untuk semua mata pelajaran bagi setiap peringkat persekolahan.

Penjajaran ini bertujuan memastikan murid menguasai kandungan asas bagi setiap mata pelajaran melalui kaedah pembelajaran teradun. Walau bagaimanapun, kandungan tambahan dan pelengkap boleh disisipkan sebagai pengayaan kepada pembelajaran murid.

Pelaksanaan penjajaran ini secara pembelajaran teradun membolehkan guru melaksanakan PdP secara lebih fleksibel.

#2

Adakah penjajaran kurikulum ini merupakan kurikulum baharu?

Penjajaran kurikulum bukanlah kurikulum baharu. Penjajaran kurikulum adalah proses penyusunan semula kurikulum sedia ada supaya guru dapat melaksanakan PdP bagi memastikan murid mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan.

#3

Murid di sekolah saya kebanyakannya tidak mempunyai capaian internet. Bagaimana untuk saya menjalankan pembelajaran teradun?

Pembelajaran teradun bukanlah berfokus kepada keperluan capaian internet semata-mata. Guru boleh melaksanakan pembelajaran teradun dengan menggunakan pelbagai pendekatan seperti menyediakan kit pembelajaran berbentuk modul, projek eksplorasi, senarai semak (checklist), nota, amali di rumah dan sebagainya mengikut tahap kebolehan murid serta berdasarkan sumber yang sedia ada.

#4

Apakah yang dimaksudkan dengan PdP di luar bilik darjah? Bagaimanakah untuk memastikan murid mendapat manfaat daripada PdP di luar bilik darjah?

PdP di luar bilik darjah, dalam konteks pelaksanaan penjajaran kurikulum ini, merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang dijalankan sama ada secara dalam talian dan/atau melalui pembelajaran sendiri berstruktur yang dilaksanakan di rumah atau mana-mana lokasi lain yang bersesuaian.

Pembelajaran di rumah tidak dapat menggantikan pembelajaran secara bersemuka dalam bilik darjah sepenuhnya. Oleh yang demikian, untuk memastikan murid mendapat manfaat daripada PdP di luar bilik darjah, selain daripada menghantar latihan/nota, guru boleh merancang aktiviti pembelajaran dan menyediakan bahan pembelajaran yang bervariasi dengan mengambil kira kecenderungan dan minat murid serta kepelbagaian sumber.

#5

Sekolah saya perlu melaksanakan penggiliran murid untuk hadir ke sekolah. Adakah pembelajaran murid saya akan terjejas jika penggiliran dilaksanakan?

Berdasarkan Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah yang dikeluarkan oleh KPM, penggiliran murid untuk hadir ke sekolah tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pembelajaran teradun yang disarankan oleh KPM bertujuan untuk memastikan kurikulum yang dijajarkan dapat dilaksanakan dalam pelbagai situasi, sama ada di sekolah ataupun di rumah.

Bagi memastikan keperluan pembelajaran murid dipenuhi, komitmen guru sangat diperlukan untuk merancang aktiviti dan menyediakan bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan situasi yang dihadapi.

Aktiviti dan bahan pembelajaran sendiri berstruktur yang disediakan oleh guru seharusnya dapat melatih murid untuk lebih bertanggungjawab atas pembelajaran mereka.

#6

Bagaimana pembelajaran di rumah boleh ditaksir?

Guru boleh melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian melalui aktiviti pembelajaran dan bahan pembelajaran yang disediakan untuk murid di rumah. Sebagai contoh, tugas pembelajaran di rumah yang diberikan oleh guru boleh dirancang untuk dijadikan sebagai satu kaedah pentaksiran.

#7

Saya telah merujuk kandungan kurikulum yang diajarkan dan mendapati bahawa terdapat topik yang telah diajar semasa tempoh PKP. Perlukah saya mengulang semula kandungan tersebut?

Dalam apa-apa situasi, guru perlu memastikan murid mencapai standard pembelajaran yang dihasratkan. Sekiranya guru telah melaksanakan pembelajaran secara dalam talian dan/atau luar talian dengan sempurna serta keterlibatan murid adalah tinggi, guru tidak perlu mengulang semula kandungan kurikulum tersebut. Namun, guru digalakkan untuk membuat peneguhan dan membantu murid mengulang-kaji kandungan yang telah diajar supaya murid dapat menguasai kandungan sepenuhnya.

#8

Adakah ibu bapa boleh menjalankan PBD?

PBD bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan antara seorang murid dengan murid yang lain, tetapi ia bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka.

Guru boleh melibatkan ibu bapa/penjaga dalam mentaksir pembelajaran murid di rumah namun pelaporan PBD hanya boleh dilaksanakan oleh guru. Walau bagaimanapun, guru boleh berbincang dengan ibu bapa sekiranya mereka bersedia membantu guru menjalankan pentaksiran di rumah supaya guru dapat meningkatkan mutu aktiviti pembelajaran yang dirancang. Terdapat pelbagai kaedah pentaksiran yang boleh digunakan seperti senarai semak, membuat pemerhatian dan memberi maklum balas.